



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

INOVASI TEKNOLOGI AGROMAKANAN LESTARIKAN PEMBANGUNAN KOMUNITI MAMPAN

SANDAKAN, 29 Ogos 2024 – YB Dato' Hj. Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini merasmikan Festival Agromakanan dan Bioteknologi (FAMB) 2024 di Kompleks Sukan Sandakan.

FAMB 2024 yang bertemakan "Teknologi Pertanian Berteraskan Matlamat Pembangunan Mampar" merupakan anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama Politeknik Sandakan Sabah (PSS). FAMB ini menjadi platform utama kepada para penyelidik, pelajar, agensi kerajaan, dan pihak swasta untuk berkumpul dan berkongsi pengetahuan serta idea inovatif dalam bidang teknologi pertanian.

Dalam ucapan perasmianya, YB Dato' Hj Mohammad Yusof bin Apdal menyatakan festival sebegini ini mampu menuntun sektor agromakanan agar sentiasa berdaya saing dan inovatif dalam memperkembang serta menyumbang kepada komuniti dengan hasil penyelidikan dan inovasi yang hebat khususnya kepada sektor agromakanan.

Festival yang berlangsung dari 22 hingga 29 Ogos 2024 menampilkan pelbagai acara menarik kepada pengunjungnya yang terdiri daripada

pelajar, peserta dan komuniti setempat. Antaranya adalah Pembentangan Kertas Penyelidikan, Pertandingan Inovasi Produk, Pertandingan *Pitching*, Pertandingan Jualan Produk Agropreneur, dan Program Komuniti Pintar (*Smart Community Programme*) yang berfokus pada pemulihan hutan bakau secara lestari.

FAMB 2024 menyaksikan penyertaan daripada pelbagai pihak termasuk pensyarah dan pelajar dari politeknik, kolej komuniti, universiti awam dan swasta, institut penyelidikan, sekolah vokasional, serta agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan.

Turut hadir Pengarah Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Dr. Zamzam bin Mohd Walid dan Pengarah Politeknik Sandakan Sabah, En. Mohd Sani Bin Said.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

29 OGOS 2024

FOTO: <https://rb.gy/p5df8u>